

# Dr. Mahathir dipuji kerana kikis tanggapan Barat lebih unggul

**Daripada SHAKIR HUSAIN**

DUBAI 3 Julai - Seorang sarjana Universiti Damsyik, Syria, hari ini memuji bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana berjaya mengikis tanggapan bahawa bangsa Eropah lebih unggul.

Sambil menyifatkan Dr. Mahathir sebagai "ahli politik luar biasa," Dr. Marwan Al Kabalan berkata "ramai yang kagum dengan semangat beliau sebagai seorang pemimpin. Seorang yang menjadi contoh kepada semua umat Islam."

Kemahirannya setanding dengan Konrad Adenauer, canselor pertama Jerman selepas perang, yang berjaya mengembalikan negaranya daripada kemusnahan perang kepada landasan pemodenan dan industri," kata tokoh

akademik itu dalam renmingguan nya di akhbar *Dubai Gulf News*.

Artikel beliau yang bertajuk "Mahathir model respons terhadap idea Barat" itu menyatakan bahawa pemodenan Malaysia telah menyangkal "teori Barat yang sekian lama menggambarkan bahawa kelembapan proses pemodenan dunia Islam adalah disebabkan budaya".

Al Kabalan menulis bahawa anggapan terhadap Islam oleh kebanyakan ahli akademik Barat sebenarnya banyak dipengaruhi oleh teori perkauman ahli falsafah dan sejarah Perancis Ernest Renan yang menyebarkan budaya unggul bangsa Eropah.

"Dr. Mahathir menyangkal kebanyakan idea Barat itu dan menjadikannya sebagai cebisan sejarah. Pemimpin Malaysia

itu telah membuktikan bahawa minda umat Islam tidak tertutup tetapi terbuka kepada sains dan teknologi dan mampu menghasilkan teknologi tinggi," kata Al Kabalan.

Beliau berkata Malaysia juga telah berjaya mencapai kemajuan tanpa mengorbankan identiti agama dan budaya negara.

"Malangnya, Barat bukannya menyokong Malaysia dan mempromosinya sebagai model tetapi menyerang Dr. Mahathir dan membataskan falsafah beliau," kata Al Kabalan.

Dr. Mahathir melawat Syria bulan lepas dan menyampaikan syarahan bertajuk "Malaysia Model dalam Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi" atas jemputan Universiti Damsyik.

- Bernama